		A4.3	Pintu masuk automatik disediakan dan sekiranya tiada pintu demikian maka perlu disediakan pintu yang boleh dibuka dengan sebelah tangan.	
		A4.4	Perlu ada penggunaan <i>color contrast</i> pada ruang masuk ke bangunan serta permukaan lantai <i>dot type block</i> perlu disediakan di anjung masuk bagi tujuan tanda amaran.	
		A4.5	Simbol khas OKU (Orang Kelainan Upaya) atau tanda khas perlu disediakan untuk panduan masuk/ keluar kemudahan orang kelainan upaya.	
		A4.6	Pintu kaca hendaklah mempunyai tanda yang jelas di antara paras 800 mm -1500 mm (SIRIM Kod MS 1184 : 1991) dari lantai untuk kemudahan orang kurang penglihatan memasuki bangunan.	
	A5 Permukaan Laluan Bertekstur	A5.1	Permukaan laluan bertekstur yang sesuai perlu disediakan untuk memandu arah orang buta di kawasan-kawasan pejalan kaki dan laluan khas.	1. Orang buta
		A5.2	Dua jenis permukaan laluan: 1. <i>Dot type block</i> memberi tanda amaran bertujuan menangkis halangan dan bahaya, menunjuk arah dan amaran sekiranya menghampiri selekoh dan simpang (SIRIM Kod MS 1331 : 1993). 2. <i>Line type block</i> asas kepada menunjuk arah laluan (SIRIM Kod MS 1331 : 1993).	
		A5.3	Tempat yang perlu disediakan permukaan laluan khas: i. Berhadapan anjung masuk bangunan, mana-mana tangga di luar bangunan dan di hadapan kemudahan tempat melintas; ii. Anjung keluar/ masuk terminal pengangkutan awam; iii. Di kaki lima menghala ke bangunan; iv. Laluan pandu arah dari kemudahan awam ke terminal pengangkutan awam yang berhampiran; dan v. Berhadapan laluan trafik.	
	A6 Tangga/ Tangga  Contoh Tangga Automatik	A6.1	Spesifikasi penyediaan tangga perlu mengikut SIRIM MS 1184 : 1991	1. Pengguna kerusi roda/ cacat anggota 2. Orang buta 3. Orang tua 4. Perempuan mengandung 5. Kanak-kanak dan orang kerdil
		A6.2	Permukaan yang berbeza perlu disediakan di awal dan akhir tangga sebagai tanda permulaan mendaki dan mengakhiri tangga, serta perlu ada <i>color contrast</i> pada anak tangga pertama dan akhir.	
		A6.3	<i>Handrail</i> perlu disediakan di kedua-dua belah tangga.	
		A6.4	Papan tanda khas perlu disediakan di tangga-tangga untuk kemudahan orang kelainan upaya.	
		A6.5	Mana-mana terminal pengangkutan awam, <i>escalator</i> perlu disediakan.	
	A7 Lintasan Pejalan kaki	A7.1	Lintasan pejalan kaki perlu disediakan: i. Kawasan-kawasan yang melintasi trafik; ii. Berhampiran dengan pusat-pusat kebajikan, rumah-rumah orang tua dan orang pekak serta pusat orang buta; iii. Berhampiran dengan hospital-hospital dan klinik; iv. Berhampiran kawasan membeli-belah; v. Luar kawasan sekolah; vi. Lampu isyarat khas (<i>audio signal</i>) perlu disediakan untuk kemudahan golongan kurang upaya melintas khususnya bagi orang buta (SIRIM Kod MS 1331 : 1993); dan vii. Berhampiran kawasan ibadat.	1. Pengguna kerusi roda/ cacat anggota 2. Orang buta 3. Orang tua 4. Perempuan mengandung 5. Kanak-kanak dan orang kerdil
		A7.2	Permukaan lintasan bertekstur perlu disediakan di kedua-dua arah ke <i>pelican crossing</i> (SIRIM Kod MS 1331 : 1993)	
		A7.3	Pada jalan-jalan utama di mana trafik adalah sibuk (di mana pembahagi jalan adalah cukup luas atau lebih 5 kaki) <i>pelican crossing</i> perlu disusun secara <i>staggered</i> (SIRIM Kod MS 1331 : 1993)	

sambungan


Aspek	Elemen	Garis Panduan		Kumpulan Sasaran (Mengikut Keutamaan)
b. Reruang	B1 Tempat Letak Kereta Khas (TLKK)   	B1.1	TLKK perlu disediakan di semua bangunan awam, bangunan perniagaan, kawasan rekreasi, terminal pengangkutan awam dan kediaman bertingkat.	1. Pengguna kerusi roda/ cacat anggota 2. Orang tua 3. Perempuan mengandung
		B1.2	TLKK mestilah dihubungkan dengan laluan orang kelainan upaya dan disediakan <i>step ramp</i> selebar 1000 mm di mana sesuai (SIRIM Kod MS 1331 : 1993)	
		B1.3	Lokasi TLKK mestilah disediakan paling hampir dengan laluan dan anjung masuk ke bangunan. Keluasan sesuatu ruang termasuk kawasan perpindahan dari kenderaan ke kerusi roda (<i>accessible</i>) mestilah mengikut SIRIM Kod MS 1331 : 1993.	
		B1.4	TLKK mestilah di permukaan yang rata dan disertakan dengan simbol orang kelainan upaya yang mudah dilihat di atas permukaan ruang TLKK dan di tiang tanda berhampiran yang disertakan simbol.	
		B1.5	Simbol TLKK mestilah disediakan di kawasan letak kereta sama ada di luar atau dalam bangunan dan dapat dilihat apabila memasuki kawasan TLK. Tanda yang menunjukkan arah ke ruang TLKK mestilah juga disediakan (SIRIM Kod MS 1184 : 1991)	
		B1.6	Jumlah ruang TLKK bagi sesebuah bangunan mestilah mengikut nisbah yang ditetapkan oleh SIRIM Kod MS 1184 : 1991 iaitu satu ruang bagi setiap 100 kenderaan dan sekurang-kurangnya 2 ruang TLKK bagi setiap kategori bangunan.	
		B1.7	TLKK mestilah disediakan bagi kereta biasa dan van mengikut keluasan ruang, iaitu 3300 mm lebar x 6600 mm panjang (SIRIM Kod MS 1331 : 1993)	
	B2 Tandas   	B2.1	Tandas bagi orang kelainan upaya mestilah disediakan di semua bangunan awam, bangunan perniagaan, kawasan rekreasi dan terminal pengangkutan awam. Bilangan dan reka bentuk tandas mestilah mengikut SIRIM Kod MS 1184 : 1991.	1. Pengguna kerusi roda/ cacat anggota 2. Orang buta 3. Orang tua 4. Kanak-kanak dan orang kerdil
		B2.2	Simbol tandas lelaki/ perempuan hendaklah timbul (<i>embossed</i>) dan diletakkan di pemegang pintu masuk tandas.	
	B3 Bilik Persalinan/ Penyusuan	B3.1	Bilik persalinan/ penyusuan perlu disediakan di tempat-tempat awam terutamanya di kompleks-kompleks perniagaan.	1. Perempuan menyusukan anak
	B4 Peruntukan Unit Kediaman	B4.1	Unit kediaman bagi orang kelainan upaya harus diperuntukkan di tingkat bawah bangunan kediaman bertingkat. 1% atau sekurang-kurangnya 1 unit daripada jumlah keseluruhan unit kediaman.	1. Pengguna kerusi roda/ cacat anggota 2. Orang buta 3. Orang tua
	B5 Kedai Runcit (<i>Corner Shop</i>)	B5.1	Kedai runcit (<i>corner shop</i>) bagi kegunaan harian untuk penduduk setempat yang boleh digunakan oleh orang kelainan upaya mestilah disediakan di kawasan perumahan. Peletakkannya hendaklah di penjuru blok-blok perumahan.	1. Pengguna kerusi roda/ cacat anggota 2. Orang tua 3. Kanak-kanak dan orang kerdil 4. Orang buta
	B6 Hentian Bas	B6.1	Hentian bas perlu disediakan di tempat tumpuan awam seperti pusat membeli-belah dan riadah dan persimpangan jalan utama.	1. Orang buta 2. Orang tua 3. Pengguna kerusi roda/ cacat anggota

sambungan

Aspek	Elemen	Garis Panduan		Kumpulan Sasaran (Mengikut Keutamaan)
c. Kemudahan Sokongan	C1 Papan tanda kenyataan, tanda tunjuk arah, keterangan bertulis, tanda amaran dan sebagainya	C1.1	Peletakan papan-papan tanda perlulah mendatar (<i>horizontal</i>) dengan ketinggian yang efektif (boleh dibaca oleh orang kelainan upaya). Ketinggian papan tanda jalan hendaklah sekurang-kurangnya 2000 mm dari paras jalan.	1. Pengguna kerusi roda/ cacat anggota 2. Orang tua 3. Orang buta 4. Kanak-kanak dan orang kerdil
		C1.2	Papan tanda tunjuk arah perlu menunjukkan laluan tanpa halangan ke bangunan atau ke kawasan tertentu.	
		C1.3	Warna, tulisan dan saiz papan tanda mesti jelas dan boleh dibaca.	
		C1.4	Papan tanda dengan tulisan <i>braille</i> perlu disediakan untuk kemudahan golongan buta.	
		C1.5	Tanda amaran berbunyi/ berlampu di kawasan-kawasan bahaya serta kawasan pembinaan perlu disediakan. Peletakan tanda amaran tersebut mestilah di sekitar kawasan berkenaan.	
	C2 Papan Tanda Khas	C2.1	Papan tanda khas orang kelainan upaya perlu disediakan untuk menunjukkan lokasi kemudahan tersebut seperti tandas, tempat letak kereta dan lain-lain.	1. Pengguna kerusi roda/ cacat anggota 2. Orang tua 3. Orang buta
	C3 Bangku/ Tempat Duduk <i>fixed</i> ataupun <i>built-in</i> dan meja	C3.1	Sebanyak 5% daripada bangku-bangku di tempat awam dikhaskan untuk orang kelainan upaya. Sekurang-kurangnya satu tempat duduk dikhaskan untuk orang kelainan upaya.	1. Pengguna kerusi roda/ cacat anggota 2. Orang tua 3. Orang buta 4. Perempuan mengandung 5. Kanak-kanak dan orang kerdil
		C3.2	Tempat-tempat tertentu seperti laluan pejalan kaki atau gili-gili perlu menyediakan tempat duduk/ berehat.	
		C3.3	Peletakan bangku/ tempat duduk perlulah mudah sampai.	
		C3.4	Rekabentuk bangku perlu menepati ciri-ciri keselesaan, kesesuaian ketinggian dan keselamatan. Penyandar, pemegang dan permukaan kerusi mestilah sesuai untuk kegunaan orang kelainan upaya.	
	C4 Pondok Telefon, Berbayar dan kemudahan seumpamanya	C4.1	Sekurang-kurangnya satu telefon awam khas disediakan di tempat awam. Ciri-ciri telefon khas yang perlu diambil kira : ▪ Laluan/ akses tanpa halangan ke telefon ▪ Papan tunjuk arah ▪ Reka bentuk telefon yang mudah dengan ketinggian tidak melebihi 200 mm dari aras bawah telefon (SIRIM kod MS 1331 : 1993) ▪ Alat bantuan tambahan disediakan (sekiranya perlu) ▪ Peletakan telefon tidak menghalang laluan	1. Pengguna kerusi roda/ cacat anggota 2. Orang buta 3. Orang tua 4. Perempuan mengandung 5. Kanak-kanak dan orang kerdil
		C4.2		
	C5 Peti surat	C5.1	Peletakan, kesesuaian, reka bentuk dan ketinggian elemen mesti mengambil kira keupayaan orang kelainan upaya.	1. Pengguna kerusi roda/ cacat anggota 2. Orang buta 3. Perempuan mengandung 4. Kanak-kanak dan orang kerdil
	C6 Longkang/ Parit	C6.1	Aspek keselamatan mesti diambil kira	
		C6.2	Penutup longkang/ parit perlu mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti sama rata dan tidak berlubang-lubang terutamanya di bangunan awam, bangunan perniagaan dan terminal pengangkutan awam.	1. Orang tua 2. Pengguna kerusi roda/ cacat anggota 3. Orang buta 4. Perempuan mengandung 5. Kanak-kanak dan orang kerdil
	C7 Pagar	C7.1	Reka bentuk dan bahan binaan pagar mestilah mempunyai ciri-ciri keselamatan dan ketahanan.	
	C8 Halangan-halangan (pokok, pasu bunga, tiang lampu, papan tanda dan <i>kerb</i>)	C8.1	Halangan-halangan laluan dihindarkan terutama di laluan/ pejalan kaki dan tempat tumpuan awam.	1. Pengguna kerusi roda/ cacat anggota 2. Orang buta 3. Perempuan mengandung 4. Kanak-kanak dan orang kerdil 5. Orang tua
		C8.2	Peletakan tanda arah/ papan tanda, tiang lampu, pondok telefon seharusnya di tepi laluan awam tanpa mengganggu pergerakan.	
	C9 Tiang Lampu Isyarat Melintas	C9.1	Peletakan tiang perlu sesuai untuk memberi laluan tanpa halangan.	Semua orang kelainan upaya.

Keperluan Penyediaan TLK bagi golongan OKU:

Jumlah Tempat Letak Kereta Biasa	Keperluan Tempat Letak Kereta Orang Kelainan Upaya Yang Perlu Disediakan
1 – 25	1
26 – 50	2
51 – 75	3
76 – 100	4
101 – 150	5
151 – 200	6
201 – 300	7
301 – 400	8
401 – 500	9
501 – 1000	2 % daripada jumlah
Lebih 1000	20 tambahan 1 setiap 100 selepas 1000



Contoh : Penyediaan TLK untuk Golongan OKU



RUJUKAN BERSAMA

GP Perumahan	☒
GP Perdagangan	☒
GP Perindustrian	☐
GP Aspek Alam Sekitar Dalam Perancangan	☐
GP Infrastruktur dan Utiliti	☒

KM7-1

KEMUDAHAN REKREASI : TANAH LAPANG & REKREASI

Definisi Kawasan lapang:

Tanah lapang berdasarkan Akta 172 ialah tanah lapang sebagai mana-mana tanah sama ada dikepung atau tidak yang dikhaskan atau dirizabkan untuk dikhaskan atau sebahagiannya sebagai suatu taman bunga awam, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat makan angin awam, tempat jalan kaki awam atau sebagai suatu tempat awam.

Dasar Penyediaan Tanah lapang:

1. Penyediaan tanah lapang dan rekreasi hendaklah disediakan secara berpusat, di kawasan yang rata, berfungsi dan mengikut jenis dan hierarki iaitu taman permainan kanak-kanak, taman tempatan, taman bandar, taman wilayah dan taman negeri.
2. Peruntukan tanah lapang bagi suatu projek pembangunan:
 - i. 10% daripada keseluruhan kawasan pemajuan perumahan yang mempunyai 50 atau lebih unit rumah, atau pemajuan kawasan pembangunan 5 ekar dan lebih diperuntukkan sebagai tanah lapang, tidak termasuk taman wilayah/bandar.
 - ii. Bagi pemajuan perumahan yang mempunyai 50 atau kurang unit perumahan atau kurang daripada 5 ekar, perlu diperuntukkan 5% tanah lapang hendaklah digunakan.
 - iii. Bagi plot pembangunan perumahan bertingkat, piawaian 1,000 penduduk : 2 hektar tanah lapang digunakan.
 - iv. 30% dari jumlah kawasan penstabilan cerun, kemudahan utiliti, zon penampungan, jalur hijau dan kolam takungan air boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada 10% tanah lapang

Contoh pengiraan;

30% daripada kawasan tadahan/kolam takungan/zon penampungan/jalur hijau seluas 3 ekar ialah:

$$\frac{30}{100} \times 3 \text{ ekar} = \underline{0.9 \text{ ekar}}$$

Oleh itu, hanya 0.9 ekar daripada 3 ekar boleh dikira sebagai sebahagian daripada 10% tanah lapang.

- v. Tanah Lapang hendaklah diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk diwartakan sebagai tanah lapang.
3. Pencawang TNB, Kolam Rawatan Kumbahan atau sebarang struktur binaan tidak dibenar di atas tanah lapang.
4. "Accidental Open Space" tidak dibenarkan.
5. Menyediakan lorong selebar **6.1m (20')** bagi binaan bersebelahan tanah lapang seperti bangunan perumahan, TNB, kemudahan awam dan utiliti.
6. *Perimeter planting* dengan lebar minima 3.1m (10') bagi kawasan perumahan bertingkat, perniagaan dan perindustrian hendaklah disediakan bagi tujuan landskap.

PIAWAIAN

Jenis dan Hierarki	Saiz kawasan	Bilangan Penduduk	Jarak Perkhidmatan	Kemudahan Sokongan
a. Taman Negara Nasional	Tiada Had	Tiada Had	Seluruh Negara	- Kawasan pemuliharaan alam sekitar; - Kemudahan penginapan termasuk chalet, tetapi tidak menjejaskan ekologi dan <i>wild life</i>; - Kemudahan utiliti; - Tempat letak kereta dan bas; - Kedai dan Gerai; - Tempat penginapan; - Surau - Wakaf; - Tandas; - Telefon awam; - Tempat makan; dan - Kemudahan pengangkutan awam.
b. Taman Wilayah/ Taman Negeri (Contoh: Taman Endau Rompin, Taman Warisan Negeri Selangor)	100.0 hek (250.0 ek) ke atas	Seluruh penduduk dalam Wilayah atau Perbandaran (1 Taman Wilayah antara 1 atau 2 daerah)	Dalam lingkungan 1 jam perjalanan dengan kenderaan	- Kemudahan seperti tempat perkelahan, perkhemahan, <i>hiking</i>, <i>boating</i> dll; - Kompleks sukan terbuka; - Kawasan semula jadi seperti tasik, air terjun dll; - Kawasan rekreasi seperti <i>jungle tracking</i>, hutan lipur dan tempat penyelidikan alam sekitar; - Tempat penginapan termasuk tapak perkhemahan, karavan dan chalet; - Kedai dan gerai; - Tandas; - Telefon awam; - Surau; - Tempat letak kenderaan (bergantung pada keluasan); - Kemudahan pengangkutan awam.

sambungan

Jenis dan Hierarki	Saiz kawasan	Bilangan Penduduk	Jarak Perkhidmatan	Kemudahan Sokongan
c. Taman Bandar (1 taman bagi setiap PBT)	40-100 hek (100-250 ekar)	50,000 ke atas	Lingkungan 0.5 km (0.3-6 batu) ½ jam perjalanan	- Padang sukan; - Gelanggang permainan; - Kompleks sukan; - Kolam renang; <i>Driving Range</i>; - Padang permainan kanak-kanak; - Kawasan berkelah dan berkhemah; - Aktiviti sukan air; - Hutan lipur dan taman bunga; - Wakaf; - Surau; - Tandas, telefon awam; - Tempat penginapan; - Tempat makan/gerai; - Kemudahan pengangkutan awam; - Tempat Letak Kenderaan: 35 petak kereta bagi 2.0 hek (5 ekar) pertama. - Tambahan 1 petak kereta / 1500mp (16,145.8kp) luas tapak selebihnya. - Tambahan 30% petak motosikal. - Tambahan petak bas mengikut jenis aktiviti dan keperluan tapak.
d. Taman Tempatan	8-40 hek (20-100 ek)	i. Setiap 12,000 orang penduduk; dan ii. Setiap pertambahan 12,000 orang penduduk memerlukan 8 hek (20 ekar).	Lingkungan 3 km (1.8 batu)	- Pelbagai gelanggang permainan dan padang bola dalam bentuk kompleks sukan kecil; - Kolam renang; - Taman dan kawasan permainan kanak-kanak; - Kawasan berkelah dan <i>adventure game</i>; - Dewan tertutup; - Gerei; - Tandas awam; - Wakaf; - Telefon awam; - Tempat makan; - Kemudahan pengangkutan awam; - Tempat Letak Kenderaan: 35 petak kereta bagi 2.0hek (5 ek) pertama. - Tambahan 1 petak kereta / 1500mp (16,145.8kp) luas tapak selebihnya. - Tambahan 30% petak motosikal. - Tambahan petak bas mengikut jenis aktiviti dan keperluan tapak.

sambungan

Jenis dan Hierarki	Saiz kawasan	Bilangan Penduduk	Jarak Perkhidmatan	Kemudahan Sokongan
e. Padang Kejiranan	1.2hek (3.0 ek)	- Setiap 3,000 orang penduduk; dan - Setiap pertambahan 3,000 orang penduduk memerlukan 2.0hek (5.0 ek)	Lingkungan 1.5km (0.9 batu)	- Padang permainan kanak-kanak; - Padang bola; - Gelanggang badminton, tenis, takraw dll; - Kawasan jogging; - Taman dan perteduhan; - Tempat rehat; - Telefon awam; - Tandas; dan - Tempat Letak Kenderaan 35 petak kereta bagi 2.0 hek (5 ek) pertama. - Tambahan 1 petak kereta / 1500mp (16,145.8 kp) luas tapak selebihnya. - Tambahan 30% petak motosikal. - Tambahan petak bas mengikut jenis aktiviti dan keperluan tapak.
f. Padang Permainan / Laman sukan	0.6hek (1.5 ek)	- Setiap 1,000 orang penduduk; dan - Setiap pertambahan 1,000 orang penduduk memerlukan 0.6hek (1.5ek)	Lingkungan 1km (0.6 batu)	- Kawasan teduhan taman; - Kawasan berturap dan berlampu untuk gelanggang sukan dan permainan; - Kawasan permainan kanak-kanak; - Adventure ground; - Telefon awam; - Tempat letak kenderaan 10 petak kereta bagi 0.4 hek (1 ekar) pertama - Tambahan 1 petak kereta / 600mp (6458.3 kp) luas tapak selebihnya - Tambahan 30% petak motosikal
g. Lot Permainan	0.2hek (0.5 ek)	- Setiap 300 orang penduduk; - Setiap pertambahan 300 penduduk memerlukan 0.2hek (0.5ek)	Lingkungan 0.5km (0.3 batu)	- Kawasan berumput; - Kawasan berpasir; - Tempat berteduh dan tempat duduk; - Alat permainan kanak-kanak.

GARIS PANDUAN ASPEK ALAM SEKITAR DALAM PERANCANGAN

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR

- DASAR PEMBANGUNAN KSAS SELANGOR 5-1
 - Definisi KSAS
 - Jenis-jenis KSAS

PEMELIHARAAN TOPOGRAFI SEMULAJADI

- AS1: GARIS PANDUAN PERANCANGAN 5-4
PEMBANGUNAN DI KAWASAN BERBUKIT
DAN TANAH TINGGI NEGERI SELANGOR
- AS2: PIAWAIAN PEMELIHARAAN KAWASAN 5-12
TASIK
- AS3 : PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK 5-21
MENGIKUT PERUNTUKAN AKTA 172
- AS4 : GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN 5-24
PEMBANGUNAN DI PERSISIRAN PANTAI
- AS5: GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN 5-27
PEMBANGUNAN DALAM KORIDOR SUNGAI
- AS6: GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN 5-30
PEMBANGUNAN PADANG GOLF
- AS7: PEMBANGUNAN KAWASAN BERISIKO 5-33

DASAR PEMBANGUNAN KSAS SELANGOR

DEFINISI KSAS :

Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) adalah merupakan kawasan khas yang sangat sensitif kepada sebarang aktiviti atau pembangunan dan perlu dipulihara untuk nilai warisannya, memelihara nilai sokongan hidupnya dan meminimumkan risiko bencana akibat penukaran guna tanah.

JENIS-JENIS KSAS :

i. KSAS Bersepadu Selangor

Jenis KSAS	Kawasan
Warisan	• Sejarah & Arkeologi. • Kepelbagaian Biologi. • Geologi dan Landskap.
Risiko Bencana	• Tanah Tinggi. • Sungai & Tasik. • Persisiran. • Tanah Lembap (Bench).
Sokongan Hidup	• Air Bersih. • Makanan Asas. • Tenaga dan Bahan Binaan. • Keperluan Ruang.

ii. KSAS Sektor Selangor

Jenis KSAS	Kawasan
Perhutanan	● Hutan Simpan Dara ● Hutan Kawasan Tadahan ● Hutan Tanah Tinggi ● Hutan Paya ● Hutan Simpanan Kekal Lain
Perikanan	● Perikanan Air Tawar ● Perikanan Pesisiran
Pertanian/ Penternakan	● Kawasan Padi ● Kawasan Sayuran & Buahhan ● Ladang Khinzir ● Kawasan Padang Ragut ● Penternakan Burung Walit
Hidupan Liar	● Rizab Hidupan Liar
Persisiran	● Pantai ● Sungai ● Tasik & Kolam
Mineral & Batuan	● Pasir & Kerikil ● Agregat Batuan ● Lempung & Tanah Gambut
Jasad Air	● Empangan Bekalan Air ● Sungai ● Tasik & Kolam
Sejarah & Antikuiti	● Kawasan Bersejarah ● Monumen & Tugu
Taman Rekreasi	● Batuan Unik / Unggul ● Kawasan Bekas Lombong ● Mata Air Panas ● Air Terjun ● Bukit / Gunung ● Bukit Kapor

Nota:

Rujuk Bersama Pelan Warta 1445 – Pelan Menunjukkan Sempadan Kawasan Taman Negeri Selangor (Daerah Hulu Selangor, Daerah Gombak, Daerah Hulu Langat)

MATRIKS HUBUNG KAIT KSAS BERSEPADU DAN KSAS SEKTORAL DI NEGERI SELANGOR

KSAS BERSEPADU KSAS SEKTORAL		KSAS (WARISAN)	Sejarah & Arkeologi	Kepelbagaian Biologi	Geologi & Landskap	KSAS (RISIKO BENCANA)	Tanah Tinggi	Sungai & Tasik	Persisiran	Tanah Lembap (Bencanh)	KSAS (SOKONGAN HIDUP)	Air Bersih	Makanan Asas	Tenaga & Bahan Binaan	Keperluan Ruang
PERHUTANAN															
• Hutan Simpan Dara			√	▽		▽			▽	▽					
• Hutan Kawasan Tadahan			√	▽		▽			▽	▽		√			
• Hutan Tanah Tinggi			√	▽		√						√			
• Hutan Paya			√	▽						√		▽			
• Hutan Simpan Kekal Lain			√	▽		▽			▽	▽		▽			▽
PERIKANAN															
• Perikanan Air Tawar								▽	▽	▽			√		
• Perikanan Persisiran									▽	▽			√		
PERTANIAN/PENTERNAKAN															
• Kawasan Padi										▽		▽	√		▽
• Kawasan Sayuran & Buahhan						▽						▽	√		
• Ladang Khinzir							√					▽			
• Kawasan Padang Ragut												▽	√		
HIDUPAN LIAR															
• Rizab Hidupan liar			√	▽		▽	▽	▽	▽	▽					▽
PERSISIRAN															
• Pantai			▽	▽					√	√			▽	▽	▽
• Sungai & Tasik			▽	▽					√	√		▽	▽	▽	▽
• Pulau			▽	▽					√	√			▽	▽	▽
MINERAL & BATUAN															
• Pasir & Kerikil								▽	▽	▽		▽		√	
• Agregat Batuan						▽						▽		√	
• Lempung & Tanah Gambut									▽	▽		▽		√	
JASAD AIR															
• Empangan Bekalan Air			▽					√				√			▽
• Sungai			▽	▽				√				√	▽	▽	▽
• Tasik & Kolam			▽	▽				√				√	▽	▽	▽
SEJARAH & ANTIKUITI															
• Kawasan Sejarah		√					▽		▽	▽					
• Monumen & Tugu		√					▽		▽	▽					
TAMAN REKREASI															
• Taman Rekreasi		▽	▽	▽											√
KHAZANAH GEOLOGI															
• Batuan Unik/ Unggul		▽	√				▽								▽
• Kawasan Bekas Lombong		▽	√				▽								▽
• Mata Air Panas		▽	√					▽							▽
• Air Terjun		▽	√						▽	▽					▽
• Bukit/ Gunung		▽	√					▽							

Nota : √ Fungsi Utama ▽ Fungsi Sekunder

AS1

PEMELIHARAAN TOPOGRAFI SEMULAJADI : GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN BUKIT DAN TANAH TINGGI NEGERI SELANGOR

PIAWAIAN

Garis panduan ini digunapakai bagi pembangunan di kawasan yang mempunyai kecerunan yang melebihi 15 darjah kecuali aktiviti pertanian.

GARIS PANDUAN UMUM

Kriteria Kawasan Bercerun Yang Boleh Dibangunkan	- Kawasan berkecerunan kelas I dan II dengan ketinggian kurang 300 meter dari aras laut dibenarkan untuk pembangunan. - Kawasan berkecerunan kelas I dan II dengan ketinggian melebihi 300 meter hingga 1000 meter dari aras laut dibenarkan untuk pembangunan eko-pelancongan dan rekreasi berimpak rendah. - Kawasan pembangunan berkecerunan kelas III dengan ketinggian kurang 300 meter dari aras laut boleh dipertimbangkan dengan mengambil kira aspek keselamatan, pemeliharaan cerun dan kebolehlaksanaan pembangunan. Permohonan tertakluk kepada garis panduan khusus dan perakuan Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar. - Kawasan berkecerunan kelas III dengan ketinggian melebihi 300 meter hingga 1000 meter dari aras laut dibenarkan untuk pembangunan rekreasi berimpak rendah yang tidak melibatkan pembinaan struktur bangunan. - Kawasan berkecerunan kelas IV tidak dibenarkan untuk pembangunan kecuali pembangunan infrastruktur dan projek berkepentingan nasional. - Kawasan melebihi 1000 meter dari aras laut tidak dibenarkan untuk pembangunan perbandaran tetapi dibenarkan pembangunan infrastruktur dan projek berkepentingan nasional. - Cadangan pembangunan di lereng bukit yang telah dikacau ganggu perlu mendapat perakuan Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar. - Bagi projek pembangunan yang terletak dalam kawasan yang mempunyai kelas bercampur-campur yang melibatkan kelas III, laporan EIA perlu disediakan. Pembangunan yang dicadangkan hendaklah ditimbang dan diperakui oleh Jawatankuasa Teknikal KSAS.
Kawasan Berkecerunan Yang Perlu Dipelihara	- Kawasan berbukit yang telah diisytiharkan sebagai tanah bukit di bawah Bahagian II, (Seksyen 3, Akta Pemuliharaan Tanah 1960) (Akta 385) (Disemak 1989). - Kawasan yang mempunyai nilai sejarah, daya tarikan pelancongan dan kepelbagaian biologi yang tinggi. - Kawasan yang mempunyai kepentingan geologi yang telah dikenal pasti atau diwartakan sebagai kawasan kajian atau penyelidikan. - Kawasan yang telah dikenal pasti sebagai kawasan yang mengandungi sumber-sumber mineral. - Kawasan tadahan air yang tertakluk kepada mana-mana Akta sedia ada. - Kawasan yang diwartakan sebagai hutan simpanan kekal termasuk kawasan hutan pengeluaran atau hutan produktif dan lindungan.

sambungan

● Kawasan Warisan Kebangsaan	○ Mana-mana kawasan yang terletak di dalam kawasan tanah berbukit, tanah tinggi, lereng bukit dan puncak bukit serta kawasan sekitarnya yang diwartakan sebagai Tapak Warisan Kebangsaan mengikut Akta Warisan Kebangsaan, 2006 atau mana-mana akta yang berkaitan.
● Pemeliharaan Topografi	○ Subsekyen 21 A(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) memperuntukkan supaya Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) yang dikemukakan perlu mengandungi perihal tanah termasuk alam sekitar fizikal, topografi, landskap, geologi, kontur, saliran, air dan tadahan air dan bentuk semulajadi diatasnya. ○ Subsekyen 21 B(1), Akta 172 (Pelan susun atur) memperuntukkan langkah-langkah bagi melindungi dan memperelok alam sekitar dari segi fizikal, memelihara topografi semulajadi, memperelok lanskap serta memelihara dan menanam pokok di kawasan pemajuan dilaksanakan. ○ Pemaju hendaklah mengekalkan keadaan topografi asal tanah mengikut kesesuaian tapak. Sebarang pemotongan bukit hendaklah dilaksanakan pada kadar yang minimum dan hanya boleh dibenarkan bagi tujuan penyediaan infrastruktur seperti jalan dan pembinaan infrastruktur yang terbabit sahaja. Tindakan pemotongan bukit bagi tujuan meratakan permukaan keseluruhan tapak pembangunan adalah tidak dibenarkan. ○ Penyusunan bagi sesuatu pemajuan hendaklah mengikut kontur asal tanah termasuk tebing tasik, aliran sungai dan sebagainya. ○ Menyusun secara bertingkat (staggered) dengan mengambil kira kecerunan maksimum untuk cadangan jalan mengikut kehendak yang ditetapkan oleh agensi-agensi teknikal berkenaan. ○ Mempelbagaikan penyusunan bangunan termasuk penyusunan secara tidak berderet seperti berek.
● Kawasan Berkecerunan Yang Perlu Dipulihara	○ Kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan berisiko bencana.

RUJUKAN BERSAMA

- ✓ GP Perumahan.....
- ✓ GP Perdagangan.....
- ✓ GP Perindustrian.....
- ✓ GP Kemudahan Masyarakat.....
- ✓ GP Infrastruktur dan Utiliti.....

● GARIS PANDUAN KHUSUS

I. KAWALAN PERANCANGAN DAN KEBOLEHLAKSANAAN PEMBANGUNAN

- Pemajuan yang boleh dipertimbangkan adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut :

- Zon perancangan** yang telah ditentukan oleh Rancangan Tempatan atau Rancangan Kawasan Khas berkaitan.
- Kelas kegunaan tanah** mengikut Rancangan Tempatan atau Rancangan Kawasan Khas berkaitan.
- Intensiti pembangunan** yang meliputi densiti, ketinggian, bilangan tingkat, kawasan *plinth* dan Nisbah Plot.
- Semua **syarat-syarat berkaitan** yang dikeluarkan oleh agensi teknikal berkaitan hendaklah dipatuhi.



Kelas	Piawaian Mengikut Ketinggian								
KELAS I Pembatasan geoteknikal yang rendah seperti berikut: ▪ Terain in-situ dengan kecerunan $<15^{\circ}$ dan ▪ Cerun yang dipotong dengan kecerunan $<15^{\circ}$ Pembatasan geoteknikal dan penyelarasan keperluan teknikal seperti geomorfologi, saliran dan pengairan dan lain-lain.	• <u>TANAH TINGGI (300M – 1,000M)</u> Boleh dipertimbangkan untuk Pembangunan eko-pelancongan berimpak rendah dan rekreasi. ◦ Pelancongan <table border="1"> <thead> <tr> <th></th><th>Chalet (Single)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Plinth</td><td>25%</td></tr> <tr> <td>Nisbah Plot</td><td>1:0.5</td></tr> <tr> <td>Tapak Perkhemahan</td><td>Impak Rendah</td></tr> </tbody> </table> ◦ Kemudahan Masyarakat berimpak rendah boleh dipertimbangkan mengikut keupayaan tampungan kawasan. • <u>GUNUNG (ATAS 1,000M)</u> Tidak dibenarkan sebarang pembangunan kecuali pembinaan infrastruktur seperti jalan, terowong, jambatan, telekomunikasi, elektrik berkepentingan nasional yang berintensiti rendah.		Chalet (Single)	Plinth	25%	Nisbah Plot	1:0.5	Tapak Perkhemahan	Impak Rendah
	Chalet (Single)								
Plinth	25%								
Nisbah Plot	1:0.5								
Tapak Perkhemahan	Impak Rendah								

RUJUKAN BERSAMA

GP Perumahan.....	✓
GP Perdagangan.....	○
GP Perindustrian.....	✓
GP Kemudahan Masyarakat.....	✓
GP Infrastruktur dan Utiliti.....	✓

sambungan

Kelas	Ketinggian																																													
KELAS II Pembatasan geoteknikal yang sederhana seperti berikut: - Terain in-situ dengan kecerunan $\geq 15^{\circ}$ hingga $<25^{\circ}$ dengan ketiadaan tanda-tanda hakisan dan ketidakstabilan cerun. - Terain in-situ dengan kecerunan $<15^{\circ}$ dengan tanda-tanda wujudnya hakisan dan ketidakstabilan cerun. - Terain in-situ dengan kecerunan $<15^{\circ}$ yang terdiri dari kolumium atau bahan geologi yang sensitif. - Kawasan ancaman banjir. Pembatasan geoteknikal dan penyelarasan keperluan teknikal seperti geomorfologi, saliran dan pengairan dan lain-lain.	<u>TANAH TINGGI (300M – 1,000M)</u> Boleh dipertimbangkan untuk pembangunan eko-pelancongan berimpak rendah dan rekreasi. Pelancongan<table><tr><th></th><th>Chalet (Single)</th></tr><tr><td>Plinth</td><td>25%</td></tr><tr><td>Nisbah Plot</td><td>1:0.5</td></tr><tr><td>Tapak Perkhemahan</td><td>Impak Rendah</td></tr></table> Kemudahan Masyarakat berimpak rendah boleh dipertimbangkan mengikut keupayaan tampungan kawasan <u>GUNUNG (ATAS 1,000M)</u> Tidak dibenarkan sebarang pembangunan kecuali pembinaan infrastruktur seperti jalan, terowong, jambatan, telekomunikasi, elektrik berkepentingan nasional yang berintensiti rendah		Chalet (Single)	Plinth	25%	Nisbah Plot	1:0.5	Tapak Perkhemahan	Impak Rendah																																					
	Chalet (Single)																																													
Plinth	25%																																													
Nisbah Plot	1:0.5																																													
Tapak Perkhemahan	Impak Rendah																																													
KELAS III Pembatasan geoteknikal yang tinggi seperti berikut: - Terain in-situ dengan kecerunan dari $\geq 25^{\circ}$ hingga $<35^{\circ}$ dengan ketiadaan tanda-tanda hakisan dan ketidakstabilan cerun. - Terain in-situ dengan kecerunan $\geq 15^{\circ}$ hingga $<25^{\circ}$ dengan tanda-tanda wujudnya hakisan sederhana hingga teruk dan ketidakstabilan cerun. - Terain in-situ dengan kecerunan $\geq 15^{\circ}$ hingga $<25^{\circ}$ yang terdiri dari kolumium atau bahan geologi yang sensitif. - Terain in-situ dengan kecerunan $< 15^{\circ}$ yang terdiri dari kolumium atau bahan geologi yang sensitif dengan mempunyai tanda-tanda ketidakstabilan cerun. - Kawasan ancaman banjir lumpur.	<u>TANAH RENDAH (BAWAH 150M)</u> Pembangunan Yang Dipertimbangkan:<table><tr><th></th><th>Bil. Tingkat</th><th>Densiti</th><th>Plinth</th><th>Nisbah Plot</th></tr><tr><td> Perumahan Rumah Teres </td><td>3 tingkat</td><td>Maksimum 12 unit/ ekar</td><td></td><td></td></tr><tr><td> - Rumah Semi-D </td><td>3 tingkat</td><td>Maksimum 8 unit/ ekar</td><td></td><td></td></tr><tr><td> - Rumah Sesebuah </td><td>3 tingkat</td><td>Maksimum 6 unit/ ekar</td><td></td><td></td></tr><tr><td> Perniagaan (Free Standing) </td><td>3 tingkat termasuk bawah tanah</td><td></td><td>50%</td><td>1:2</td></tr><tr><td> Pelancongan Hotel </td><td>3 tingkat</td><td></td><td>50%</td><td>1:2</td></tr><tr><td> - Chalet (Single) </td><td></td><td></td><td>50%</td><td>1:2</td></tr><tr><td> Institusi Latihan </td><td></td><td></td><td>50%</td><td>1:2</td></tr><tr><td> Kemudahan Masyarakat </td><td colspan="4"> Kemudahan Masyarakat bergantung kepada keperluan dan tadahan penduduk. - Pembangunan di bawah Akta Hakmilik Strata 1985. </td></tr></table>		Bil. Tingkat	Densiti	Plinth	Nisbah Plot	Perumahan Rumah Teres	3 tingkat	Maksimum 12 unit/ ekar			Rumah Semi-D	3 tingkat	Maksimum 8 unit/ ekar			Rumah Sesebuah	3 tingkat	Maksimum 6 unit/ ekar			Perniagaan (Free Standing)	3 tingkat termasuk bawah tanah		50%	1:2	Pelancongan Hotel	3 tingkat		50%	1:2	Chalet (Single)			50%	1:2	Institusi Latihan			50%	1:2	Kemudahan Masyarakat	Kemudahan Masyarakat bergantung kepada keperluan dan tadahan penduduk. - Pembangunan di bawah Akta Hakmilik Strata 1985.			
	Bil. Tingkat	Densiti	Plinth	Nisbah Plot																																										
Perumahan Rumah Teres	3 tingkat	Maksimum 12 unit/ ekar																																												
Rumah Semi-D	3 tingkat	Maksimum 8 unit/ ekar																																												
Rumah Sesebuah	3 tingkat	Maksimum 6 unit/ ekar																																												
Perniagaan (Free Standing)	3 tingkat termasuk bawah tanah		50%	1:2																																										
Pelancongan Hotel	3 tingkat		50%	1:2																																										
Chalet (Single)			50%	1:2																																										
Institusi Latihan			50%	1:2																																										
Kemudahan Masyarakat	Kemudahan Masyarakat bergantung kepada keperluan dan tadahan penduduk. - Pembangunan di bawah Akta Hakmilik Strata 1985.																																													

sambungan

Pembatasan geoteknikal dan penyelarasan keperluan teknikal seperti geomorfologi, saliran dan pengairan dan lain-lain.

• **TANAH BUKIT (150M-300M)**

	Bil. Tingkat	Densiti	Plinth	Nisbah Plot
Perumahan				
o Rumah Semi-D	3 tingkat	Maksimum 8unit/ ekar		
o Rumah Sesebuah	3 tingkat	Maksimum 6 unit/ ekar		
Perniagaan (Free Standing)	3 tingkat termasuk bawah tanah		50%	1:2
Pelancongan				
o Hotel	3 tingkat		50%	1:2
o Chalet (Single)			50%	1:2
Institusi Latihan			50%	1:2
Kemudahan Masyarakat	o Kemudahan Masyarakat bergantung kepada keperluan dan tadahan penduduk. o Pembangunan di bawah Akta Hakmilik Strata, 1985.			

• **TANAH TINGGI (300M – 1,000M)**

Boleh dipertimbangkan untuk rekreasi berimpak rendah yang tidak melibatkan berdiri struktur pembinaan. Contohnya boleh dipertimbangkan bagi tapak perkhemahan dan lain-lain aktiviti pemeliharaan.

• **GUNUNG (ATAS 1,000M)**

Tidak dibenarkan sebarang pembangunan **kecuali pembinaan infrastruktur** seperti jalan, terowong, jambatan, telekomunikasi, elektrik berkepentingan nasional yang berintensiti rendah

Kelas IV

Pembatasan geoteknikal yang ekstrem seperti berikut :

- Terain in-situ dengan kecerunan $\geq 35^{\circ}$ dengan ketiadaan tanda-tanda hakisan dan ketidakstabilan cerun.
- Terain in-situ dengan kecerunan $\geq 25^{\circ}$ hingga $< 35^{\circ}$ dengan tanda-tanda wujudnya hakisan dan ketidakstabilan cerun.
- Terain in-situ dengan kecerunan $\geq 15^{\circ}$ hingga $< 25^{\circ}$ yang terdiri dari kolumium atau bahan geologi yang sensitif dengan mempunyai tanda-tanda ketidakstabilan cerun.
- Kawasan ancaman banjir puing (debris flow).
- Puncak bukit atau rabung (ridges).

Pembatasan geoteknikal dan penyelarasan keperluan teknikal seperti geomorfologi, saliran dan pengairan dan lain-lain.

Tidak dibenarkan sebarang pembangunan **kecuali pembinaan infrastruktur** seperti jalan, terowong, jambatan, telekomunikasi, elektrik berkepentingan nasional yang berintensiti rendah

Sumber : Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi Negeri Selangor (2010), diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 11/2010 bertarikh 24 Mac 2010.

SYARAT-SYARAT

Hendaklah merujuk kepada:-

- a) Akta 172, kaedah-kaedah, RFN, RS, RT, RKK, garis panduan dan piawaian perancangan, kawalan perancangan.
- b) Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Tanah Tinggi 2005 (KSAS).
- c) Garis Panduan Kawalan Hakisan dan Kelodakan, 1996 (JAS).
- d) Bab 47 dalam Manual Saliran Mesra Alam Malaysia 2000 (JPS).
- e) Manual Pemetaan Geologi Terain, 2006 (JMG).
- f) Garis Panduan Zon Bahaya bagi Bukit Batu Kapur (2003), (JMG).
- g) Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam, 1984. dan
- h) *Slope Design Guideline, JKR 2009*

Hendaklah disertakan **laporan-laporan** seperti berikut:

- a) Laporan Penyiasatan Geoteknikal dan Analisis Kestabilan Cerun yang disahkan oleh jurutera geoteknikal yang bertauliah.
- b) Laporan Pemetaan Geologi terain dan Geomorfologi disediakan oleh ahli Geologi yang berdaftar dengan Lembaga Ahli Geologi.
- c) Laporan Saliran dan Pengairan mengikut Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) disediakan oleh jurutera hidrologi yang berdaftar dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (Hidrologi). dan
- d) Laporan EIA disediakan oleh perunding EIA yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar bagi pembangunan melebihi 50 hektar.
- e) Pelan Kerja Tanah yang disahkan oleh Jurutera yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera. dan
- f) Bagi Kelas II, hanya projek pembangunan yang tertakluk di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 perlu disediakan Laporan EIA.

Pembangunan-pembangunan lain boleh dipertimbangkan oleh **Pihak Berkuasa Negeri** dan perlu dibawa ke **MPFN** untuk mendapat nasihat:

- a) Perancangan kejuruteraan dan kajian seni bina yang menyeluruh.
- b) Menggunakan teknologi terkini yang mesra alam sekitar.
- c) Pembangunan perlu mengambil kira penyelenggaraan, penyeliaan, pemantauan dan penguatkuasaan.
- d) Pemaju perlu mengambil insurans atau bond supaya bertanggungjawab terhadap pembangunan yang dijalankan.
- e) Perunding yang menjalankan kajian di atas perlulah mempunyai kepakaran, berwibawa dan mempunyai pengalaman serta kelayakan yang sesuai.
- f) Pertimbangan perlu diberikan terhadap *loading factor* pembangunan di kawasan berbukit.

II. ZON PENAMPAN


• Penentuan Zon Penampian	Pembangunan yang boleh dipertimbangkan dalam zon penampian fizikal termasuklah jalan raya, longkang dan parit, sungai, tasik, tempat letak kereta dan kawasan lapang. Zon penampian ditentukan berdasarkan ciri-ciri cerun, struktur tanah dan tertakluk kepada penilaian geoteknikal serta kriteria-kriteria berikut: - Jarak zon penampian dikira dari garisan bangunan dengan kawasan bercerun bagi pembangunan di atas plato [Rujuk Rajah AS1 (i)]. - Jarak zon penampian dikira dari ketinggian cerun/ tanah tinggi bagi pembangunan bersempadan dengan cerun/ tanah tinggi [Rajah AS1 (ii)].
• Kriteria Penentuan Jarak Zon	Struktur yang dibina berhampiran kaki cerun yang dipotong atau cerun semulajadi yang menegak atau hampir menegak (melebihi 70°) di mana tidak ada sebarang langkah kejuruteraan untuk menstabilkan cerun itu atau langkah-langkah tebatan kesan-kesan gelongsoran tanah, hendaklah tidak terletak di dalam zon sekurang-kurangnya dua (2) kali ganda (2 H) ketinggian cerun. Cerun tanah semulajadi yang mempunyai kecerunan melebihi 25 darjah atau ketinggian melebihi 30 meter zon penampian minima 1 H. Cerun batuan semulajadi zon penampian minima 1 H dengan langkah-langkah mitigasi tertakluk kepada pemetaan risiko geologi. Engineered slope tanah maksima 6 berm (1 berm = 6 meter) - anjakan bangunan minima 20 meter. Engineered slope batuan zon penampian minima 20 meter atau 1 H tertakluk kepada pemetaan risiko geologi. Tembok penahan melebihi 6 meter zon penampian minima 10 meter atau 1 H (yang mana lebih tinggi) Struktur yang dibina di atas rabung cerun yang dipotong atau cerun semulajadi yang menegak atau hampir menegak (melebihi 70°) di mana terdapat langkah kejuruteraan dijalankan hendaklah tidak terletak di dalam zon sekurang-kurangnya 15.24 meter atau sekali (1) ganda ketinggian cerun itu [Rajah AS1 (iii)].

Sumber : Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi Negeri Selangor (2010), diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 11/2010 bertarikh 24 Mac 2010.

ILUSTRASI


Rajah AS1 (i)

Jarak Zon Penampian Dari Kawasan Bangunan Dengan Kawasan Bercerun Bagi Pembangunan Di Atas Plato




Rajah AS1 (ii)

Zon Penampian Dari Ketinggian Cerun/Tanah Tinggi Penampian Dikira Dari Ketinggian Cerun/ Tanah Tinggi



Rajah AS1(iii)

Zon Penampian Dikira Dari Sempadan Engineered Slope dan Cerun Potongan/ Plato



AS2

PEMELIHARAAN TOPOGRAFI SEMULAJADI : PIAWAIAN PEMELIHARAAN KAWASAN TASIK

PIAWAIAN

	GP Pembangunan	Catatan/ Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan
I. TASIK BEKAS LOMBONG		
• DALAM TASIK		
i. Rekreasi air : <i>(Ski-air, jet-ski, kapal layar, berkanayak, bot pelancong, memancing)</i>	- Purata kenderaan air dalam satu-satu masa ialah 5 buah/hektar. - Bot pelancong bermotor untuk kemudahan melawat tasik boleh disediakan. - Aktiviti rekreasi air yang menggunakan motor/enjin tidak boleh melebihi 2 kuasa kuda (hp) atau mempunyai kadar kebisingan purata melebihi 65 dBA. - Operator yang mengendalikan khidmat jet-ski, ski-air, kapal layar, kayak, mestilah mendapat lesen dari Pihak Berkuasa Tempatan. - Tempat simpanan peralatan dan membaiki kenderaan rekreasi air hendaklah berada 20 m (66') ke daratan. - Pembinaan jeti penambang hendaklah mengambilkira daya tampung pengguna dalam satu-satu masa. - Struktur jambatan yang dibina merentasi tasik mestilah tidak menyekat laluan air dengan ketinggian tidak kurang dari 3.1 m (10') pada paras purata air tertinggi tasik. - Pembinaan air-pancutan di tengah-tengah tasik adalah dibenarkan.	
ii. Restoran Terapung	- Struktur binaan kekal tidak dibenarkan. - Saiz restoran terapung mestilah tidak melebihi 1% keluasan tasik. - Keperluan bekalan air, elektrik, pelupusan sampah dan pemetungan hendaklah merujuk kepada badan-badan yang berkenaan untuk mendapat kelulusan. - Proses pembinaan mestilah mengambilkira aspek keselamatan dan kebersihan tasik.	
iii. Perikanan dalam sangkar	- Had minimum anjakan ialah 100 m (328') dari gigi air tasik. - Jarak tapak sangkar kedua perlu melebihi 4 kali panjang tapak sangkar yang pertama. - Boleh dibenarkan aktiviti pelancongan tani (agro-tourism) bersama-sama dengan aktiviti perikanan sangkar dengan syarat. - Keperluan bekalan air, elektrik, pelupusan sampah hendaklah merujuk kepada badan-badan yang berkenaan untuk mendapat kelulusan. - Semua struktur pembinaan mematuhi Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.	- Pembinaan sebarang struktur binaan kekal. - Mematuhi garis panduan Jabatan Perikanan

sambungan

GP Pembangunan		Catatan/ Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan
• DARAT (DARI PARAS TERTINGGI AIR HINGGA 20M KE DARAT)		
i. Rekreasi Pasif dan Landskap <i>(Berkelah, jogging, berbasikal, aerobik, tai-chi dan bersiar-siar)</i>	- o Semua jenis pembangunan mestilah merujuk kepada keperluan dan syarat-syarat pembangunan yang telah digariskan dalam Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan. - o Diwujudkan sebagai kawasan awam. - o Sesuai dijadikan zon mengawal banjir dengan penanaman pokok-pokok penahan hakisan dan peneduhan spesies tempatan. - o Penyediaan laluan trek jogging & basikal minimum 3.1m (10') lebar. - o Kawasan lapang untuk bersiar, bersenam, peralatan gimnasium, tai-chi dan berkelah seluas 10% daripada keluasan keseluruhan zon litoral. - o Kemudahan tempat rehat seperti bangku duduk yang bersaiz 0.4m x 2m (1'3" x 6'6") dengan kadar 2 bangku duduk bagi setiap 100m (330'). - o Kemudahan lampu jalan dan tong sampah digalakkan di sepanjang laluan. - o Stesen untuk basikal perlulah mempunyai kawasan <i>refreshment</i> kiosk, telefon awam, pagola, vendor surat khabar, papan buletin.	▪ Stesen minyak. ▪ Industri. ▪ Aktiviti-aktiviti pembangunan yang mencemarkan dan bahaya. ▪ Aktiviti pembangunan yang berisiko tinggi (spt. bangunan pencakar langit) dan mencemarkan (perindustrian berat dan tapak pelupusan sisa toksid) tidak dibenarkan ditempatkan di kawasan sekitar 1 km radius dari pusat tasik.
ii. Hotel, Chalet, Taman dan Pusat Perdagangan	- o Sekurang-kurangnya 20% daripada keluasan kawasan pembangunan tasik dikekalkan sebagai kawasan kegunaan awam. - o Pembangunan boleh bermula dari gigi tasik atau mana-mana bahagian zon pembangunan tasik tertakluk kepada syarat dan garis panduan pembangunan di kawasan bekas lombong di bawah bidang kuasa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). - o Fasad hadapan bangunan hendaklah menghala ke arah tasik. - o Perlu kajian kejuruteraan struktur tanah dan rekabentuk asas bangunan berteknologi tinggi. - o Keluasan minimum taman tema ialah 40 hektar (100 ekar). - o Cadangan hierarki jalan . - Jalan utama – 40m (132') lebar dengan pondok bas. - Jalan perkhidmatan -12m (40') lebar. - o Tempat Letak Kereta (TLK) berbumbung (tertutup) boleh disediakan dalam bangunan dengan kadar 1 petak bagi setiap 14mp kawasan tepu bina pembangunan dan tambahan 10% daripada keseluruhan tempat letak kereta untuk TLK pelawat. - o Tempat letak kereta terbuka ialah sekurang-kurangnya 60m (197') dari paras gigi air tasik. - o Tempat letak motosikal ialah 30% daripada jumlah keseluruhan TLK yang ada. - o Sekurang-kurangnya 1 petak bas perlu disediakan bagi setiap 425mp bangunan.	▪ Penambakan tasik

sambungan

	GP Pembangunan	Catatan/ Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan
iii. Tapak Perkhemahan/ Keramaian	- Had anjakan 40m (132') dari paras gigi air tasik. - Zon penampungan selebar 10m (33') perlu disediakan. - TLK minimum ialah 10 unit dan 2 petak bas diperlukan. - Kemudahan seperti tandas awam, pelupusan sampah, bekalan air, wakaf, bilik persalinan, dewan orang ramai, elektrik dan surau perlu disediakan.	
iv. Perumahan	- Had anjakan minimum 60m dari paras gigi air tasik . - Kepadatan perumahan yang dibenarkan : <i>Rendah (<30 unit/ hektar), ketinggian maksimum rumah sesebuah atau berkembar tidak melebihi 2 tingkat.</i> <i>Sederhana (30-60 unit/ hektar), ketinggian maksimum tidak melebihi 4 tingkat.</i> - Cadangan hierarki jalan : <i>Jalan Sekunder 20m (66') lebar .</i> <i>Jalan Perkhidmatan 12.2m (40') lebar.</i> - Tempat Letak Kenderaan: <i>1 petak TLK bagi 1 unit rumah + 10% TLK pelawat.</i> <i>Tempat letak motosikal ialah 30% daripada jumlah keseluruhan TLK.</i> - Kemudahan-kemudahan lain ialah dalam kawasan perumahan seperti pusat komuniti, perniagaan, masjid/ surau, tadika, kawasan lapang, infrastruktur dan utiliti serta pembedungan.	
v. Pertanian	- Had anjakan pembangunan minimum ialah 100m (328') dari gigi air tasik. - Zon penampungan selebar 10m (33') perlu disediakan. - Loji memproses hasil pertanian memerlukan had anjakan minimum 500m (1,640') dari paras gigi air tasik. - Aktiviti penternakan memerlukan loji pembedungan.	<i>Aktiviti penaburan baja menggunakan pengangkutan udara tidak dibenarkan.</i> <i>Saliran utama tidak boleh mengalir ke dalam tasik.</i>
vi. Padang Golf	- Ketinggian bangunan dalam kawasan padang golf tidak boleh melebihi 2 tingkat. - Ketinggian bangunan yang bersebelahan padang golf tidak melebihi 4 tingkat.	
vii. Sistem Lalulintas dan Jalan raya	- Rekabentuk jalan mengambilkira rupabentuk topografi kawasan tasik. - Rekabentuk persimpangan jalan mementingkan keselamatan pengguna. - Perabot jalan seperti lampu, laluan pejalan kaki dan papan tanda, wakaf dan kiosk ditempatkan di lokasi yang betul dan pusat tumpuan orang ramai. - Kemudahan untuk Orang Kelainan Upaya (OKU) perlu diutamakan. - Cadangan hierarki jalan untuk zon pembangunan tasik ialah: <i>Jalan utama - 40 m (132') lebar dengan pondok bas.</i> <i>Jalan sekunder - 20 m (66') lebar.</i> <i>Jalan perkhidmatan - 12 m (40') lebar.</i>	

sambungan

	GP Pembangunan	Catatan/ Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan
viii. Bekalan Air dan Elektrik	- Perlu mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa seperti Piawaian Perancangan Tapak Pencawang Elektrik, Bil 9/97 dan Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti, Bil 20/97 serta garis panduan dan piawaian agensi-agensi yang berkaitan (Syarikat Bekalan Air Selangor dan Tenaga Nasional Berhad). - Sumber air boleh diambil daripada tasik perlu ditapis dan mendapat kelulusan kualiti air untuk minuman oleh Kementerian Kesihatan. - Menilai tahap penurunan paras air berdasarkan penggunaan isipadu air dalam sehari.	
ix. Sistem Pembetungan	- Reka bentuk tangki septik, loji rawatan kumbahan dan rangkaian alur betung (<i>sewerline</i>) mestilah berpandukan Kod Amalan MSCP 1228:1991 yang diterbitkan oleh SIRIM. - Berada tidak kurang dari 1.5 m (4') paras terendah aliran air bawah tanah. - Loji rawatan hendaklah sekurang-kurangnya 200 m (656') dari gigi air tasik. - Hotel dan chalet yang melebihi 30 unit perlu menyediakan sistem komunal rawatan kumbahannya sendiri. - Pelepasan air sisa terawat mestilah memenuhi piawai A (jika untuk air minuman) atau B (jika bukan air minuman) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen-Efluen Perindustrian 1979, Jabatan Alam Sekitar).	
